



Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, berucap semasa pelancaran program sukarelawan, 'Silver Guardian', di Pusat Penuaan Aktif Esther Perkhidmatan Masyarakat Presbyterian di Strathmore Avenue pada 5 April. – Foto ST

Program baru galak lebih ramai warga emas jadi relawan

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

Sebuah program baru telah dilancarkan untuk menggalak lebih ramai warga emas menjadi relawan untuk menyokong rakan seusia mereka di Pusat Penuaan Aktif (AAC).

Dengan matlamat mencapai 2,400 sukarelawan menjelang 2028, program nasional oleh Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) itu, yang diberi nama, *Silver Guardian*, berharap dapat membangunkan kumpulan sukarelawan yang menyokong AAC sedang pusat-pusat itu mengembangkan peranan dan kegiatan mereka dalam masyarakat.

Seramai 400 relawan, *Silver Guardian*, sudah dilantik.

Sukarelawan warga emas yang mendaftar dalam program baru itu akan dilatih oleh AIC.

Program *Silver Guardian* dilancarkan oleh Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, pada 5 April di AAC Esther Perkhidmatan Masyarakat Presbyterian

di Strathmore Avenue dekat Queens-town.

Encik Ong berkata ramai warga emas yang sudah bersara mengalami "rasa kehilangan".

"Keupayaan kita menyumbang kepada masyarakat dan orang di sekeliling memberikan kita suatu tujuan dan nilai diri, dan berkait rapat dengan kesejahteraan seseorang."

"Kesukarelawanan bukan pengganti sepenuhnya bagi kerja tetapi boleh membantu mengisi kekosongan."

"Melalui kesukarelawanan, warga emas boleh terus memberi kesan bermakna kepada kehidupan orang di sekeliling mereka dan kekal aktif, sihat dan terhubung secara sosial," ujarnya.

Di bawah program itu, institusi pengajian yang dilantik AIC akan menyediakan latihan bagi membantu relawan memahami landskap penjagaan warga emas dengan lebih baik.

Selain itu, mereka akan diajar cara berkomunikasi dan mendekati warga emas dengan berkesan. Latihan sedemi-

kian dapat membangunkan keyakinan mereka untuk berinteraksi dengan warga emas di AAC.

AIC berkata dengan adanya peluang kesukarelawanan yang luas di AAC, relawan boleh memilih untuk berkhidmat dalam bidang yang sesuai mengikut kemahiran serta minat mereka.

Mereka mempunyai pilihan untuk dilatih dalam kemahiran khas seperti pendampingan masyarakat dan cara membangunkan program penuaan aktif untuk AAC.

Dengan memadankan relawan dengan AAC di lokasi yang mudah diakses, program itu diharapkan dapat menyatukan masyarakat untuk menyumbang kepada sektor penjagaan warga emas, tambah AIC.

Program *Silver Guardian* itu dilancarkan berikutan kejayaan program perintis serupa oleh AIC dari April hingga Disember 2023.

Isi borang di laman web, www.aic.sg/silver-guardian jika berminat menjadi relawan program, *Silver Guardian*.